



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0028
Tarikh : 14 Mac 2014

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BIL 5 TAHUN 2014**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN JABATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
TAHUN 2014**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan Lembaga Getah Malaysia bagi Tahun 2014 telah ditetapkan seperti jadual terlampir.
3. Anggota yang ingin menduduki peperiksaan pengesahan hendaklah mendaftar kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia dengan menggunakan borang yang disediakan. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke UPSM selewat-lewatnya **4 April 2014 (Jumaat)**. **Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan, tidak akan dilayan.**
4. Sukatan peperiksaan dan borang permohonan boleh didapati di laman web portal upsm <http://www3.lgm.gov.my/upsm> . Manakala bahan rujukan boleh didapati di Perpustakaan LGM.
5. Sila ambil perhatian dan tindakan atas tarikh peperiksaan yang telah diumumkan ini. Jika terdapat perubahan tarikh peperiksaan, tuan/puan akan dimaklumkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)

**JADUAL
PEPERIKSAAN JABATAN
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
2014**

BIL	TARIKH PEPERIKSAAN	NAMA PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	BENTUK SOALAN	MASA	TEMPAT
1	16 Jun 2014	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 41 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	4 April 2014	Esei	Bahagian I & II : 9.00 – 11.30 Bahagian III : 2.00 – 4.30	Akademi Hevea Malaysia
2	17 Jun 2014	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 27/29 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	4 April 2014	Esei	Bahagian I & II : 9.00 – 11.30 Bahagian III : 2.00 – 4.30	Akademi Hevea Malaysia
3	18 Jun 2014	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 17 dan Gred 11 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	4 April 2014	Objektif	Bahagian I & II : 9.00 – 11.00 Bahagian III : 11.30 – 12.30	Akademi Hevea Malaysia

PANDUAN PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang peperiksaan yang boleh diperolehi dari laman web portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsms>
2. Calon-calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
3. Calon-calon yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
4. Calon-calon hendaklah **MEMBAWA SLIP PEPERIKSAAN** ketika menghadiri peperiksaan.
5. Calon-calon **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Jika tidak mengikut peraturan Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calon daripada menduduki peperiksaan.